



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 26 OGOS 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Stesen minyak kaut untung RM30,000 seludup diesel

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Pengusaha stesen minyak mampu memperoleh lebih RM30,000 sebulan hasil daripada kegiatan menyelewengkan diesel bersubsidi di pasaran geopolitik setiap jiran.

Mereka memperoleh keuntungan lebih 50 sen seliter berbanding hanya 10 sen seliter jika dijual di pam minyak.

Sehubungan itu, kerajaan diminta memantau stesen-stesen minyak yang menjalankan kegiatan menyelewengkan minyak diesel bersubsidi sekali gus mengait keuntungan lumayan setiap bulan.

Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM) mendakwa, terdapat stesen-stesen minyak bersubahat dengan sindiket kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi menerusi lori tangki yang digunakan bagi menghanteri 35,000 liter bahan api terbaik.

Presidennya, Datuk Dr. Mohd.

Firdaus Abdullah mendakwa, menerusi cara ini, berlaku pakanan membabitkan pengusaha pam apabila hanya 5,000 liter diesel bersubsidi diturunkan di stesen minyak dan 30,000 liter lagi dipindahkan ke lokasi lain dipercayai menyeleweng.

"Selain itu, terdapat juga situasi di mana satu lori tangki antara 35,000 liter ke 40,000 liter minyak diesel bersubsidi sudah ditempa oleh stesen minyak tetapi tidak sampai pun ke pam minyak. Sebaliknya pengusaha stesen minyak membuat pengesahan sudah pun menerima diesel terbabit.

"Ia menyeleweng keseluruhananya dengan dijual di pasaran gelap yang lebih lumayan keuntungan sehingga lebih 50 sen seliter berbanding 10 sen di pam minyak," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Kelmarin, *Mingguan Malaysia* melaporkan YPNM mendakwa lebih enam juta liter bahan api diesel diseludup ke negara jiran,

Singapura sebulan.

Yayasan terbabit dilaporkan mendakwa perbuatan tersebut terbongkar hasil pemantauan Biro Pemantau YPNM di Johor dan Singapura.

Minyak diesel terbabit, dakwa YPNM yang dipercayai dibawa masuk dari Johor diantar ke Singapura menggunakan lori tangki dengan surat permit eksport yang disalahgunakan sindiket.

Mengulas lanjut, Mohd. Firdaus berkata, terdapat juga stesen minyak membenarkan sehingga 3,000 liter diesel bersubsidi diisi dalam masa sejam oleh sindiket.

Menurutnya, penyelewengan dilakukan dengan modus operandi menggunakan lori yang diubah suai tangki asalnya lalu membuat pembelian secara berulang di stesen-stesen minyak.

"Kegiatan ini perlu dipantau setiap minggu di stesen-stesen minyak seluruh negara. Pihak berkuasa perlu menyemak rekod transaksi pembelian diesel

yang dibuat kepada seorang pembeli dalam masa satu jam.

"Jika angkanya besar dan meragukan, memang ada sesuatu yang mencurigakan berlaku dan pihak berkuasa perlu segera melakukan siasatan. Dengan harga diesel melebihi RM3 seliter pada ketika ini pun sindiket tetap membeli di stesen-stesen minyak negara untuk diseludup ke luar negara," dakwanya.

Menurutnya, pemantauan dan risikan perlu sentiasa dilakukan pihak berkuasa bagi membanteras penyelewengan barang kawalan bersubsidi termasuk ke Thailand dan Singapura.

"YPNM juga mencadangkan kerajaan memantau salah guna permit eksport oleh pemborong dan pengeksport.

"Selain itu, kerajaan juga perlu merombak penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) kerana terlalu banyak berlaku salah guna kuasa," dakwanya.



SATU Mesyuarat Gerakan Pengguna Negeri (GPN) Bilangan 1 Tahun 2024 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sabah telah diadakan baru-baru ini bertempat di Hotel Livingston, Sandakan.

MCMC Negeri Sabah telah dijemput untuk memberikan taklimat berkaitan inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh MCMC.

Dalam sesi tersebut, perkongsian berkenaan inisiatif pembangunan infrastruktur kerajaan melalui MCMC, inisiatif pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (Nadi).

Antara kandungan perkongsian tersebut adalah mengenai isu-isu talian internet/telefon dan syarikat kurier serta taklimat keselamatan penggunaan internet. Sesi tersebut telah menerima maklum balas yang baik daripada ahli mesyuarat yang hadir.

MCMC akan terus komited untuk memperkasa masyarakat melalui inisiatif digital yang inovatif, memastikan akses komunikasi yang menyeluruh, dan mempromosikan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab demi kemajuan negara. –Bernama

Program Jualan Rahmah bantu golongan B40



MIRI: Program Jualan Rahmah salah satu inisiatif penting yang bertujuan meringankan beban kos sara hidup yang dihadapi oleh rakyat, khususnya golongan B40.

Ahli Parlimen Miri, Chiew Choon Man berkesempatan

melalui Program Jualan Rahmah yang telah diadakan di Dataran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lutong anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Beliau berkata, tujuan utama

BERI SOKONGAN... Chiew Choon Man melalui Program Jualan Rahmah di Dataran SMK Lutong, Miri.

program ini adalah untuk membantu ibu bapa dan penjaga mendapatkan barang keperluan harian dengan harga yang lebih berpatutan.

"Program ini juga memberi peluang kepada mereka untuk membeli barang-barang keperluan dengan diskaun yang menarik, sekali gus membantu mengurangkan tekanan kewangan yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah di kawasan ini.

"Kehadiran saya dalam program ini adalah untuk menunjukkan sokongan penuh terhadap usaha-usaha murni seperti ini yang memfokuskan kepada kesejahteraan rakyat.

"Saya percaya bahawa dengan adanya program seperti ini, kita dapat membantu memperkuatkan ekonomi keluarga dan meningkatkan kualiti hidup rakyat, terutamanya mereka yang memerlukan.

"Saya akan bekerjasama dengan KPDN Miri supaya lebih banyak program seperti ini dapat dilaksanakan di masa hadapan di Miri," katanya.

Beliau berkata, program tersebut merupakan satu langkah positif dalam usaha memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa

Terus komited laksana SRS

SIMANGGANG: Skim Rondaan Sukarela (SRS) Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Harmoni Orkid terus proaktif menjalankan peranannya dalam menjaga keamanan mengurangkan kadar jenayah di kawasan itu.

Pengerusi KRT Taman Harmoni Orkid, Hajimale Morshidi berkata, SRS Taman Harmoni Orkid adalah merupakan antara SRS yang aktif selain disertai kaum wanita yang menjadi 'tulang belakang' penubuhan selain kejayaan melaksanakan aktiviti rondaan dalam mengekalkan keamanan di kawasan perumahan berkenaan.

"SRS Taman Harmoni Orkid ini kekuatannya adalah kaum wanita yang proaktif dalam meronda menjaga keamanan dan mengurangkan kadar jenayah, inilah kelebihan yang ada pada SRS Taman Harmoni Orkid ini," katanya pada Program Rondaan SRS serentak seluruh Sarawak yang dilaksanakan di kawasan perumahan berkenaan malam kelmarin.

menjadi keutamaan.

"Saya akan terus komited dalam menyokong inisiatif-in-

Beliau berkata, keberkesanan dan kejayaan SRS adalah dapat meningkatkan rasa selamat penduduk selain boleh mengurangkan kadar jenayah setempat.

"Secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada anggota keselamatan seperti polis dalam mengurangkan aktiviti jenayah.

"Inilah peranan yang dimainkan SRS yang ditubuhkan di kawasan kita, pada masa sama melalui rondaan ini, ia dapat mempromosikan program SRS kepada komuniti sekali gus menarik perhatian dan penglibatan komuniti dalam program meronda," katanya lagi.

Justeru, Hajimale berharap penduduk Taman Harmoni dapat bersama-sama menjayakan pelaksanaan SRS demi mengekang aktiviti jenayah seperti kes pecah rumah.

Turut hadir, Pegawai Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Bahagian Sri Aman, Ahmad Noorkamal Abdul Malek dan dua anggota polis.

inisiatif yang memberi manfaat kepada masyarakat," ujarnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 26 OGOS 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
28-Aug	15 warga asing ditahan kerana tiada permit sah	https://www.sinarharian.com.my/article/681784/berita/semasa/15-warga-asing-ditahan-kerana-tiada-permit-	SINAR HARIAN
28-Aug	Penjawat awam bimbang kenaikan gaji diikuti kenaikan harga barang	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjawat-awam-bimbang-kenaikan-gaji-diikuti-kenaikan-harga-	ASTRO AWANI
28-Aug	Ewon dan Armizan kerjasama adakan Dialog Belanjawan 2025	https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/25/ewon-dan-armizan-kerjasama-adakan-dialog-belanjawan-2025	UTUSAN BORNEO
28-Aug	JOM Kids Band terima pengiktirafan Asia Book of Records	https://www.utusanborneo.com.my/2024/08/25/jom-kids-band-terima-pengiktirafan-asia-book-of-records	UTUSAN BORNEO
28-Aug	SPRM tahan lima individu, siti 1.6 juta diesel bersubsidi	https://www.buletintv3.my/nasional/sprm-tahan-lima-individu-siti-1-6-juta-diesel-bersubsidi/	BULETIN TV3
28-Aug	SPRM gempur sindiket seludup diesel bersubsidi di Sarawak, 2 tongkang disita	https://www.malay.news/sprm-gempur-sindiket-seludup-diesel-bersubsidi-di-sarawak-2-tongkang-disita/	MALAY NEWS
28-Aug	SPRM gempur sindiket seleweng diesel bersubsidi di Sibu	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1289974/sprm-gempur-sindiket-seleweng-	BERITA HARIAN
28-Aug	SPRM gempur sindiket seludup diesel bersubsidi di Sibu, 2 tongkang disita	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1126986/sprm-gempur-sindiket-seludup-diesel-bersubsidi-di-sarawak-2-tongkang-disita/	HARIAN METRO

28-Aug	SPRM sita 1.6 juta liter diesel, rampas wang tunai RM3.7 juta	https://www.sinarharian.com.my/article/682277/berita/semasa/sprm-sita-16-juta-diesel-rampas-wang-tunai-rm37-juta	SINAR HARIAN
28-Aug	SPRM tahan lima individu terlibat sindiket seleweng diesel	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sprm-tahan-lima-individu-terlibat-sindiket-seleweng-diesel-485094	ASTRO AWANI
28-Aug	SPRM TAHAN LIMA INDIVIDU, SITA 1.6 JUTA LITER DIESEL DAN WANG TUNAI RM3.7 JUTA	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2333324	BERNAMA
28-Aug	SPRM tahan lima individu, sita 1.6 juta liter diesel, wang tunai RM3.7 juta	https://selangorkini.my/2024/08/sprm-tahan-lima-individu-sita-1-6-juta-liter-diesel-wang-tunai-rm3-7-juta/	SELANGOR KINI
28-Aug	Sindiket penyelewengan diesel bersubsidi raih RM400 juta tumpas di Sibu	https://malaysia-tribune.news/2024/08/25/sindiket-penyelewengan-diesel-bersubsidi-raih-rm400-juta-tumpas-di-sibu/#google_vignette	MALAYSIA TRIBUNE